

DRAF



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

**PENDIDIKAN MORAL**

**TAHUN EMPAT**



# **DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN**

## *MODUL TERAS ASAS*

# **PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4**



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM**

**Cetakan Pertama 2013 (19 Julai 2013)**

**© Kementerian Pendidikan Malaysia**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan keluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>RUKUN NEGARA</b>	<b>iv</b>
<b>FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN</b>	<b>v</b>
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>MATLAMAT</b>	<b>2</b>
<b>OBJEKTIF</b>	<b>2</b>
<b>STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG</b>	<b>3</b>
<b>KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD</b>	<b>4</b>
<b>FOKUS MATA PELAJARAN</b>	<b>5</b>
<b>ORGANISASI KANDUNGAN</b>	<b>6</b>
<b>PEMUPUKAN KEMAHIRAN MENERUSI PENDIDIKAN MORAL</b>	<b>9</b>
<b>KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)</b>	<b>11</b>
<b>PENILAIAN</b>	<b>12</b>
<b>JADUAL PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)</b>	<b>13</b>
<b>PERUNTUKAN MASA MENGAJAR MATA PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL</b>	<b>13</b>
<b>PENERANGAN STANDARD KANDUNGAN, STANDARD PEMBELAJARAN DAN STANDARD PRESTASI</b>	<b>14</b>
<b>PERNYATAAN STANDARD PRESTASI UMUM</b>	<b>15</b>
<b>PERNYATAAN STANDARD PRESTASI PENDIDIKAN MORAL</b>	<b>16</b>
<b>STANDARD KANDUNGAN, STANDARD PEMBELAJARAN &amp; PERNYATAAN STANDARD PENTAKSIRAN</b>	<b>17</b>





## RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.



## PENDAHULUAN

Mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu usaha untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Mata pelajaran ini diharap dapat menghasilkan murid yang berpengetahuan, mempunyai perwatakan yang mulia, bersopan santun dan menyumbang secara produktif terhadap masyarakat dan negara.

Mata pelajaran Pendidikan Moral juga membolehkan murid menguasai pelbagai kemahiran; kemahiran penyelesaian konflik, kemahiran pemikiran kritikal, kemahiran pemikiran kreatif, kemahiran menentang tekanan rakan sebaya, kemahiran kajian masa depan, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran kreativiti dan kemahiran sosial. Penguasaan kemahiran tersebut akan membantu murid membina daya tahan, menghadapi cabaran dan tekanan hidup dengan penuh keyakinan dan bertanggungjawab dalam kehidupan harian.

Untuk merealisasikan hasrat mata pelajaran Pendidikan Moral, Kurikulum Standard Pendidikan Moral sekolah rendah digubal. Kurikulum Standard Pendidikan Moral memberi tumpuan kepada usaha memupuk kerohanian dan moraliti murid. Kurikulum tersebut memberi fokus terhadap pemahaman, penghayatan dan amalan nilai murni universal yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum, dan perundangan di negara ini. Kurikulum ini menyediakan satu panduan hidup kepada murid untuk membuat keputusan dan tindakan yang membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial terhadap masyarakat .

Penggubalan Kurikulum Standard Pendidikan Moral berasaskan prinsip berpegang teguh kepada ajaran agama, bertanggungjawab kepada diri, keluarga, orang lain, dan alam sekitar, mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup, bersemangat patriotik, menghormati hak asasi manusia dan mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan bagi mendukung hasrat dan aspirasi negara yang terkandung dalam Rukun Negara, dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ia juga selaras dengan tiga prinsip moral iaitu altruistik, autonomi dan keadilan. Sebagai sebuah negara yang sedang melangkah ke arah status negara maju, kita perlu membina masyarakat yang bermoral dan beretika, iaitu sebuah masyarakat bersatu padu yang mempunyai nilai keagamaan dan keharmonian yang kukuh.

Buku ini mengandungi Dokumen Standard Kurikulum dan Dokumen Standard Prestasi yang digabungkan menjadi satu dokumen yang diberi nama Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Dokumen ini dibina sebagai panduan untuk guru menambahbaik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan oleh kurikulum mata pelajaran ini.

Adalah diharapkan dokumen ini dapat memberi maklumat yang lengkap dan tepat kepada guru tentang hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan tentang pembinaan modal insan yang berteraskan kepada pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

## **MATLAMAT**

Kurikulum Standard Pendidikan Moral bermatlamat membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah kesejahteraan negara serta masyarakat global.

## **O B J E K T I F**

Kurikulum Standard Pendidikan Moral Sekolah Rendah membolehkan murid untuk mencapai objektif berikut:

- i. memahami dan menghayati nilai-nilai universal;
- ii. menghayati dan mengamalkan budi pekerti mulia;
- iii. melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan diri dengan keluarga, sekolah, jiran, masyarakat dan negara; dan
- iv. mengembangkan dan mengaplikasikan penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral dalam membuat pertimbangan dan keputusan.

## STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG

Organisasi Kurikulum Berasaskan Tunjang dibina bagi membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berketerampilan. Tunjang merupakan domain-domain utama yang saling menyokong antara satu sama lain bagi membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Domain bagi setiap tunjang adalah:

- i. Komunikasi
- ii. Kerohanian, Sikap dan Nilai
- iii. Kemanusiaan
- iv. Sains dan Teknologi
- v. Perkembangan Fizikal dan Estetika
- vi. Keterampilan Diri



Bentuk Kurikulum Transformasi

## **KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR) Pendidikan Moral digubah dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Pendidikan Moral diorganisasikan dalam bentuk modular yang mengandungi domain penaaakuan moral, perasaan moral dan perlakuan moral.

### **5.1 Standard Kandungan**


Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

### **5.2 Standard Pembelajaran**

Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi Standard Kandungan.

## FOKUS MATA PELAJARAN

Kurikulum Standard Pendidikan Moral berfokus kepada 3 domain iaitu penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Fokus kurikulum ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi penekanan kepada usaha untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis.



### i. Penaakulan Moral

Keupayaan mental untuk menaakul dalam situasi yang kabur demi mengenal pasti perlakuan baik dan jahat, salah dan benar. Keupayaan mental dapat merungkai dan menyelesaikan dilema moral sebaik mungkin secara autonomi, rasional dan objektif.

### ii. Perasaan Moral

Kesedaran hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul.

### iii. Perlakuan Moral

Tindakan berdasarkan penaakulan moral dan perasaan moral yang dilakukan secara rela hati dengan rasa tanggungjawab dan akauntabiliti.

## ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Standard Pendidikan Moral Sekolah Rendah digubal mengikut tema dan mengandungi enam (6) tema yang menjadi wahana untuk menyampaikan nilai murni universal. Penggubalan tema ini mengambil kira struktur hubungan murid dengan persekitarannya, seperti kerohanian, budaya, sosio emosi, alam sekeliling dan sebagainya. Tema-tema tersebut adalah seperti berikut:

Tahun	Tema
1	Diri Saya
2	Saya dan Keluarga
3	Saya dan Sekolah
4	Saya dan Jiran
5	Saya dan Masyarakat
6	Saya dan Negara

Bagi membolehkan nilai-nilai universal dipupuk secara berterusan dalam diri murid, nilai yang sama diajar setiap tahun iaitu dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Walaupun nilai itu diulang, tema dan standard kandungan adalah berbeza selaras dengan tahap perkembangan dan kematangan murid. Nilai murni universal Kurikulum Standard Pendidikan Moral Sekolah Rendah adalah seperti berikut:

### 1. Kepercayaan kepada Tuhan

Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhanNya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.

### 2. Baik hati

Kepekaan terhadap perasaan dan kebajikan diri sendiri dan orang lain dengan memberi bantuan dan sokongan moral secara tulus ikhlas.

**3. Bertanggungjawab**

Kesanggupan untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.

**4. Berterima kasih**

Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan terhadap sesuatu jasa, sumbangan atau pemberian.

**5. Hemah tinggi**

Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian.

**6. Hormat**

Menghargai dan memuliakan seseorang dengan memberi layanan yang bersopan serta menghormati peraturan institusi sosial.

**7. Kasih Sayang**

Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas.

**8. Keadilan**

Tindakan dan keputusan yang tidak berat sebelah.

**9. Keberanian**

Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.

**10. Kejujuran**

Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.

**11. Kerajinan**

Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan bersemangat dalam melakukan sesuatu perkara.

**12. Kerjasama**

Kesediaan melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama.

**13. Kesederhanaan**

Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.

**14. Toleransi**

Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup.



## **PEMUPUKAN KEMAHIRAN MENERUSI PENDIDIKAN MORAL**

Kurikulum Pendidikan Moral memberi peluang kepada murid menguasai kemahiran tertentu seperti kemahiran penyelesaian konflik, kemahiran pemikiran kritikal, kemahiran pemikiran kreatif, kemahiran menentang rakan sebaya, kemahiran kajian masa depan, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran kreativiti dan kemahiran sosial. Penguasaan kemahiran-kemahiran ini akan membolehkan murid menghadapi dunia ledakan maklumat dalam alaf baru dengan penuh keyakinan dan sikap bertanggungjawab sosial dan moral. Penguasaan kemahiran ini juga membantu membina daya tahan dan kebolehan menghadapi tekanan dan cabaran hidup dalam kalangan murid. Pengajaran kemahiran ini memupuk dan merangsang penaakulan, perasaan dan perlakuan moral murid.

### **Kemahiran Penyelesaian Konflik**

Kemahiran penyelesaian konflik membantu murid membuat keputusan berasaskan nilai murni universal dengan mengambil kira perbezaan nilai yang ada pada diri sendiri dan orang lain. Penguasaan kemahiran ini membantu murid berhubung atau berkomunikasi dengan orang lain secara lebih berkesan.

### **Kemahiran Pemikiran Kritikal**

Kemahiran pemikiran kritikal berpandukan penaakulan moral yang membolehkan murid menilai sama ada sesuatu keputusan atau tindakan itu bermoral atau tidak. Pengajaran kemahiran ini membantu menyemai nilai murni universal dalam diri murid. Kemahiran ini membantu murid menyelesaikan konflik dan membuat keputusan yang bermoral.

### **Kemahiran Pemikiran Kreatif**

Kebolehan berfikir secara kreatif membantu murid mencari alternatif yang lebih baik ketika menghadapi konflik dalam kehidupan.

### **Kemahiran Menentang Tekanan Rakan Sebaya**

Penguasaan kemahiran menentang tekanan rakan sebaya digunakan untuk mengelakkan pengaruh negatif rakan sebaya, pencegahan salah guna dadah atau sebarang bentuk salah laku yang lain. Kemahiran ini mendidik murid supaya berfikir secara rasional dan mengambil kira pandangan dan nasihat rakan sebaya.

### **Kemahiran Kajian Masa Depan**

Kemahiran mengkaji masa depan membolehkan murid menyedari tentang isu atau permasalahan yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa depan. Kemahiran ni membantu murid membuat ramalan, menjangka akibat serta bersedia menyesuaikan diri terhadap perubahan yang mungkin berlaku.

### **Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi membolehkan murid melayari dan memperoleh sumber-sumber maklumat yang tepat melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi seperti *Internet*, *CD-Rom* dan sidang telekomunikasi. Kemahiran ini merangsang perkembangan minda murid.

### **Kemahiran Kreativiti**

Kemahiran Kreativiti membolehkan murid menjadi individu yang kreatif dan inovatif. Daya kreativiti dan inovasi ini membolehkan mereka menghasilkan idea dan ciptaan yang berkualiti. Kemahiran ini membantu murid menyelesaikan dilema moral yang dihadapi secara kreatif.

### **Kemahiran Sosial**

Kemahiran sosial membolehkan murid berkomunikasi dengan orang lain dalam situasi yang boleh diterima oleh masyarakat. Pada masa yang sama kemahiran ini bermanfaat kepada diri dan orang lain.

## Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kurikulum kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan. Kemahiran abad ke-21 ini selari dengan 6 aspirasi yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu setiap murid akan mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir.

Kemahiran berfikir telah ditekankan di dalam kurikulum sejak tahun 1994 dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBKK). Kemahiran berfikir ini menekan kepada pemikiran dari aras rendah sehingga aras tinggi. Bermula pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT adalah merujuk kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta seperti Jadual 1.

<b>KBAT</b>	<b>Penerangan</b>
<b>Mengaplikasi</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara</li></ul>
<b>Menganalisis</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan</li></ul>
<b>Menilai</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi</li></ul>
<b>Mencipta</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif</li></ul>

Jadual 1: Penerangan KBAT

Kemahiran ini ditulis secara eksplisit di dalam setiap kurikulum mata pelajaran.

KBAT boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran, peta minda, dan *Thinking Hats* serta penyoalan aras tinggi di dalam dan di luar bilik darjah untuk menggalakkan murid berfikir. Murid diberi tanggungjawab di atas pembelajaran mereka.

## **Penilaian**

Penilaian yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa, direkod dan dilapor oleh guru di sekolah yang melibatkan murid, ibu bapa dan organisasi luar. Penilaian yang dijalankan di peringkat sekolah dilaksanakan dalam bentuk pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran sumatif pula dilaksanakan di akhir unit pembelajaran, semester atau tahun. Pentaksiran dilakukan secara berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran melalui pelbagai cara. Antaranya ialah pemerhatian, kerja kursus, kajian kes, membina buku skrap dan folio, membuat demonstrasi, simulasi, kuiz dan ujian bertulis.

## **Pentaksiran Berasaskan Sekolah**

Proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Pentaksiran berasaskan sekolah juga boleh dilaksanakan sepertimana yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

## JADUAL PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH(KSSR)

KSSR dimulakan pada tahun 2011 akan berterusan pada tahun berikutnya. Jadual pelaksanaannya adalah seperti di bawah:

TAHUN PERSEKOLAHAN	TAHUN PELAKSANAAN
1	2011
2	2012
3	2013
4	2014
5	2015
6	2016

## PERUNTUKAN MASA MENGAJAR MATA PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL

Sistem persekolahan peringkat sekolah rendah terbahagi kepada dua tahap dan dua aliran. Dua tahap yang dimaksudkan ialah Tahap 1 yang terdiri dari murid Tahun 1, 2 dan 3 dan Tahap II pula terdiri dari murid Tahun 4, 5 dan 6. Manakala dua aliran ialah sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK). Bahasa pengantar bagi Sekolah Kebangsaan (SK) adalah Bahasa Malaysia dan bahasa pengantar bagi sekolah jenis Kebangsaan (SJK) pula adalah Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Pembahagian masa untuk mata pelajaran Pendidikan Moral bagi setiap tahap adalah seperti berikut:

TAHAP	TAHUN	PERUNTUKAN MASA	
		SEK KEB (SK)	SEK JENIS KEB (SJK)
I	1	6 waktu	4 waktu
	2		
	3		
II	4	6 waktu	5 waktu
	5		
	6		

*Nota: 1 waktu persekolahan bersamaan 30 minit*

## STANDARD KANDUNGAN, STANDARD PEMBELAJARAN DAN STANDARD PRESTASI

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
<p>Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (<i>indicator of success</i>)</p>

## Tafsiran Umum

BAND	TAFSIRAN
1	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baru secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi.

## TAFSIRAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui nilai yang dipelajari.
2	Memahami dan menjelaskan nilai yang dipelajari.
3	Mengaplikasikan nilai yang dipelajari dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
4	Mengaplikasikan nilai yang dipelajari dalam pelbagai situasi.
5	Mengamalkan nilai yang dipelajari dalam kehidupan seharian.
6	Mengamalkan nilai yang dipelajari dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.



**STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>1. Kepercayaan kepada Tuhan</b></p> <p>Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhanNya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara</p> <p><b>1.1 Menghormati amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>1.1.1 Menyenaraikan amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran</p> <p>1.1.2 Menerangkan cara menghormati amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran</p> <p>1.1.3 Menyedari kepentingan menghormati amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran</p> <p>1.1.4 Mengamalkan sikap menghormati amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran</p>	1	Murid menyatakan cara menghormati amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran
		2	Murid menerangkan kebaikan menghormati amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran
		3	Murid menunjuk cara menghormati amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan
		4	Murid mendemonstrasikan cara menghormati amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran dalam pelbagai situasi
		5	Murid mengamalkan sikap menghormati amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran dalam kehidupan seharian
		6	Murid mengamalkan sikap menghormati amalan beribadat pelbagai agama dan kepercayaan jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>2.</b> <b>Baik hati</b></p> <p>Kepekaan terhadap perasaan dan kebajikan diri sendiri dan orang lain dengan memberi bantuan dan sokongan moral secara tulus ikhlas</p> <p><b>2.1</b> <b>Memberi bantuan kepada jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>2.1.1 Menceritakan cara memberi bantuan kepada jiran</p> <p>2.1.2 Menghuraikan kepentingan memberi bantuan kepada jiran</p> <p>2.1.3 Meramalkan perasaan apabila memberi bantuan kepada jiran</p> <p>2.1.4 Mengamalkan sikap membantu jiran</p>	1	Murid menyatakancara membantu jiran
		2	Murid menceritakan kepentingan memberi bantuan kepada jiran
		3	Murid menunjuk cara memberi bantuan kepada jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan
		4	Murid mendemonstrasikan cara memberi bantuan kepada jiran dalam pelbagai situasi
		5	Murid mengamalkan sikap membantu jiran dalam kehidupan seharian
		6	Murid mengamalkan sikap membantu jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>3. Bertanggungjawab</b></p> <p>Kesanggupan untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna</p> <p><b>3.1 Melaksanakan tanggungjawab sebagai jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>3.1.1 Menjelaskan peranasebagai jiran</p> <p>3.1.2 Membincangkan kepentingan melaksanakan peranasebagai jiran</p> <p>3.1.3 Menyedari peranan sebagai jiran</p> <p>3.1.4 Mempraktikkan peranasebagai jiran</p>	1	Murid menyatakan tanggungjawab sebagai jiran
		2	Murid menerangkan kepentingan melaksanakan tanggungjawab sebagai jiran
		3	Murid melaksanakan peranan sebagai jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
		4	Murid mempraktikkan peranan sebagai jiran dalam pelbagai situasi
		5	Murid mengamalkan peranan sebagai jirandalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan peranan sebagai jirandalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAN	
<p><b>4. Berterima kasih</b></p> <p>Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan terhadap sesuatu jasa, sumbangan atau pemberian</p> <p><b>4.1 Menghargai sumbangan jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>4.1.1 Menceritakan sumbangan jiran</p> <p>4.1.2 Memaparkan cara menghargai sumbangan jiran</p> <p>4.1.3 Menceritakan perasaan menghargai sumbangan jiran</p> <p>4.1.4 Memberi penghargaan terhadap sumbangan jiran</p>	1	Murid menyenaraikan sumbangan jiran
		2	Murid memerihalkan cara menghargai sumbangan jiran.
		3	Murid menunjuk cara menghargai sumbangan jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
		4	Murid mendemonstrasikan cara menghargai sumbangan jiran dalam pelbagai situasi.
		5	Murid mengamalkan sikap menghargai sumbangan jirandalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan sikap menghargai sumbangan jirandalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>5. Hemah tinggi</b></p> <p>Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian</p> <p><b>5.1 Mengamalkan adab dalam pergaulan dengan jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p>	1	Murid menyatakan adab dalam pergaulan dengan jiran
	<p>5.1.1 Menyenaraikan adab dalam pergaulan dengan jiran.</p>	2	Murid menerangkan kepentingan mengamalkan adab dalam pergaulan dengan jiran.
	<p>5.1.2 Menghuraikan kepentingan adab dalam pergaulan dengan jiran.</p>	3	Murid menunjuk cara adab dalam pergaulan dengan jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
	<p>5.1.3 Menceritakan perasaan apabila berkelakuan beradab dalam pergaulan dengan jiran.</p>	4	Murid mendemonstrasikan adab dalam pergaulan dengan jiran dalam pelbagai situasi.
	<p>5.1.4 Mengamalkan perlakuan beradab dengan jiran.</p>	5	Murid mempraktikkan adab dalam pergaulan dengan jiran dalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan adab dalam pergaulan dengan jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>6. Hormat</b></p> <p>Menghargai dan memuliakan seseorang dengan memberi layanan yang bersopan serta menghormati peraturan institusi sosial</p> <p><b>6.1 Menghormati jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>6.1.1 Mengenal pasti cara menghormati jiran</p> <p>6.1.2 Menerangkan kepentingan menghormati jiran</p> <p>6.1.3 Memerihalkan perasaan apabila saling menghormati sesama jiran</p> <p>6.1.4 Menunjukkan sikap menghormati jiran</p>	1	Murid menyatakan cara menghormati jiran
		2	Murid menerangkan kepentingan menghormati jiran.
		3	Murid menunjuk cara menghormati jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
		4	Murid mendemonstrasikan cara menghormati jiran dalam pelbagai situasi.
		5	Murid mengamalkan sikap menghormati jiran dalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan sikap menghormati jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>7. Kasih Sayang</b></p> <p>Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas</p> <p><b>7.1 Menyayangi jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>7.1.1 Menjelaskan cara menyayangi jiran</p> <p>7.1.2 Menghuraikan kepentingan menyayangi jiran</p> <p>7.1.3 Meramalkan perasaan apabila menyayangi jiran</p> <p>7.1.4 Mengamalkan sikap menyayangi jiran</p>	1	Murid menyatakan cara menyayangi jiran
		2	Murid menerangkan kepentingan menyayangi jiran
		3	Murid menunjuk cara sikap menyayangi jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
		4	Murid mendemonstrasikan sikap menyayangi jiran dalam pelbagai situasi.
		5	Murid mengamalkan nilai menyayangi jiran dalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan nilai menyayangi jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>8. Keadilan</b></p> <p>Tindakan dan keputusan yang tidak berat sebelah</p> <p><b>8.1 Mengamalkan keadilan terhadap jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>8.1.1 Menjelaskan sikap adil terhadap jiran</p> <p>8.1.2 Menghuraikan kepentingan bersikap adil terhadap jiran</p> <p>8.1.3 Menceritakan perasaan apabila bersikap adil terhadap jiran</p> <p>8.1.4 Mengamalkan perlakuan adil terhadap jiran</p>	1	Murid menyatakan cara bersikap adil kepada jiran
		2	Murid menceritakan kepentingan bersikap adil terhadap jiran
		3	Murid menunjuk cara bersikap adil terhadap jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
		4	Murid mendemonstrasikan cara bersikap adil terhadap jiran dalam pelbagai situasi.
		5	Murid mengamalkan cara bersikap adil terhadap jiran dalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan cara bersikap adil terhadap jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>9. Keberanian</b></p> <p>Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah</p> <p><b>9.1 Mengamalkan sikap berani menyuarakan pandangan yang membina terhadap jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>9.1.1 Menegal pasti cara menyuarakan pandangan yang membina terhadap jiran</p> <p>9.1.2 Menerangkan kepentingan menyuarakan pandangan yang membina terhadap jiran</p> <p>9.1.3 Meramalkan perasaan apabila menyuarakan pandangan yang membina terhadap jiran</p> <p>9.1.4 Mempraktikkan sikap berani menyuarakan pandangan yang membina terhadap jiran</p>	1	Murid menyatakan cara menyuarakan pandangan yang membina terhadap jiran.
		2	Murid menyenaraikan kepentingan berani menyuarakan pandangan membina terhadap jiran.
		3	Murid menunjuk cara sikap berani menyuarakan pandangan membina terhadap jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
		4	Murid mendemonstrasikan sikap berani menyuarakan pandangan membina terhadap jiran dalam pelbagai situasi secara beradab.
		5	Murid mengamalkan sikap berani menyuarakan pandangan yang membina terhadap jiran dalam kehidupan seharian secara beradab.
		6	Murid mengamalkan sikap berani menyuarakan pandangan yang membina terhadap jiran dalam kehidupan seharian secara beradab dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>10. Kejujuran</b></p> <p>Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan</p> <p><b>10.1 Mengamalkan sikap jujur dalam perhubungan dengan jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>10.1.1 Menyenaraikan sikap jujur dalam perhubungan dengan jiran</p> <p>10.1.2 Memberi sebab perlunya bersikap jujur terhadap jiran</p> <p>10.1.3 Menghuraikan perasaan apabila bersikap jujur terhadap jiran</p> <p>10.1.4 Berkelakuan jujur terhadap jiran</p>	1	Murid menyatakan sikap jujur terhadap jiran.
		2	Murid menjelaskan kepentingan bersikap jujur terhadap jiran.
		3	Murid menunjuk cara bersikap jujur terhadap jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
		4	Murid mendemonstrasikan cara bersikap jujur terhadap jiran dalam pelbagai situasi.
		5	Murid mengamalkan sikap jujur terhadap jiran dalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan sikap jujur terhadap jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p>11.Kerajinan</p> <p>Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan bersemangat dalam melakukan sesuatu perkara</p> <p><b>11.1</b> <b>Mengamalkan sikap rajin sesama jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>11.1.1 Menjelaskan cara bersikap rajin sesama jiran</p> <p>11.1.2 Menyenaraikan kepentingan bersikap rajin sesama jiran</p> <p>11.1.3 Meramalkan perasaan apabila bersikap rajin sesama jiran</p> <p>11.1.4 Mempraktikkan sikap rajin sesama jiran</p>	1	Murid menyatakan cara bersikap rajin sesama jiran.
		2	Murid menceritakan kepentingan bersikap rajin sesama jiran.
		3	Murid menunjuk cara bersikap rajin sesama jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
		4	Murid mendemonstrasikan cara bersikap rajin sesama jiran dalam pelbagai situasi.
		5	Murid mengamalkan sikap rajin sesama jiran dalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan sikap rajin sesama jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>12. Kerjasama</b></p> <p>Kesediaan melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama</p> <p><b>12.1 Bekerjasama dengan jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>12.1.1 Menyenaraikan aktiviti yang dilakukan bersama-sama jiran</p> <p>12.1.2 Meramalkan kesan melakukan aktiviti bersama-sama jiran</p> <p>12.1.3 Menceritakan perasaan apabila melakukan aktiviti bersama-sama jiran</p> <p>12.1.4 Mengamalkan sikap bekerjasama dengan jiran</p>	1	Murid menyatakan aktiviti yang dilakukan bersama-sama jiran.
		2	Murid menerangkan kesan bekerjasama dengan jiran.
		3	Murid menunjuk cara melakukan aktiviti bersama-sama dengan jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
		4	Murid mendemonstrasikan cara melakukan aktiviti bersama-sama dengan jiran dalam pelbagai situasi.
		5	Murid mengamalkan sikap bekerjasama dengan jiran dalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan sikap bekerjasama dengan jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>13. Kesederhanaan</b></p> <p>Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain</p> <p><b>13.1 Mengamalkan sikap sederhana sesama jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p>	1	Murid menyatakan cara bersikap sederhana sesama jiran.
	<p>13.1.3 Membincangkan cara bersikap sederhana sesama jiran</p>	2	Murid menceritakan kepentingan bersikap sederhana sesama jiran.
	<p>13.1.2 Menjelaskan kepentingan bersikap sederhana sesama jiran</p>	3	Murid menunjuk cara bersikap sederhana sesama jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
	<p>13.1.3 Menghayati sikap sederhana sesama jiran</p>	4	Murid mendemonstrasikan cara bersikap sederhana sesama jiran dalam pelbagai situasi.
	<p>13.1.4 Mengaplikasikan sikap sederhana dalam aktiviti harian sesama jiran</p>	5	Murid mengamalkan sikap sederhana sesama jiran dalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan sikap sederhana sesama jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN	
<p><b>14. Toleransi</b></p> <p>Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup</p> <p><b>14.1 Mengamalkan sikap toleransi sesama jiran</b></p>	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>14.1.1 Menggambarkan cara bertoleransi sesama jiran</p> <p>14.1.2 Menjelaskan kebaikan bertoleransi sesama jiran</p> <p>14.1.3 Menceritakan perasaan apabila bertoleransi sesama jiran</p> <p>14.1.4 Mempraktikkan sikap toleransi sesama jiran</p>	1	Murid menyatakan cara bertoleransi sesama jiran.
		2	Murid menceritakan kebaikan bertoleransi sesama jiran.
		3	Murid menunjuk cara bertoleransi sesama jiran dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
		4	Murid mendemonstrasikan cara bertoleransi sesama jiran dalam pelbagai situasi.
		5	Murid mengamalkan sikap toleransi sesama jiran dalam kehidupan seharian.
		6	Murid mengamalkan sikap toleransi sesama jiran dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

